

APLIKASI TEKNIK 'ART THERAPY' DALAM MENEROKA KES BULI DI SEKOLAH RENDAH : SATU KAJIAN KES

Zulkifli Bin Ibrahim

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

kiefli1978@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian kes ini melibatkan seorang klien di salah sebuah sekolah rendah di daerah Klang, Selangor. Kajian ini melibatkan kegiatan buli yang berlaku dalam kalangan murid-murid dan penggunaan terapi seni dalam mendalami permasalahan tersebut. Di antara tujuan kajian ini ialah untuk meneroka masalah buli yang dihadapi oleh Raymond dan mengkaji sama ada terapi seni membantu dalam penerokaan masalah yang dihadapi olehnya sebagai klien. Saya telah menjalankan tiga sesi bimbingan dan mengaplikasikan terapi seni dalam ketiga-tiga sesi tersebut. Hasil kajian mendapati terapi seni dapat meneroka dan menyelami permasalahan klien.

Kata kunci : buli, terapi seni

1.0 Pengenalan

Saban hari kita membaca dan menonton berita yang mengisahkan kejadian-kejadian buli yang sering berlaku di sekolah. Ada dalam kalangan murid yang menemui ajal hanya kerana dibuli dan dibelasah dengan teruk oleh golongan yang tidak bertanggungjawab ini. Sikap suka membuli ini telah menjadi semakin kronik dan mangsa buli pula semakin tiada tempat untuk mengadu terutamanya di sekolah.

Kajian kes ini melibatkan seorang klien sekolah rendah di Daerah Klang, Selangor yang ingin dikenali sebagai Raymond (nama samaran). Kajian kes ini melibatkan masalah buli. Dalam menjalankan sesi, saya telah menggunakan terapi seni. Sepanjang menjalankan tiga sesi kaunseling yang siap dirakam menggunakan video dan membuat rumusan sesi, saya mendapati melalui terapi seni, saya dapat meneroka dan menyelami masalah buli yang dialami oleh Raymond.

1.1 Pernyataan Masalah

Isu yang dikongsikan oleh Raymond ialah beliau sering dibuli oleh rakan sekelasnya mahupun kawan dari kelas dan darjah yang lain. Raymond mengadu beliau sering dibuli dan diganggu sama ada dalam bentuk fizikal atau verbal. Gangguan dalam bentuk fizikal termasuklah beliau ditumbuk, ditolak dan dijatuhkan manakala gangguan dalam bentuk verbal termasuklah dimaki, dicerca dan diberi gelaran yang tidak baik dan mengaibkan.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk:

- 1.2.1 meneroka masalah buli yang dihadapi oleh klien
- 1.2.2 mengkaji bagaimana terapi seni membantu dalam penerokaan masalah yang dihadapi oleh klien

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini untuk mengkaji bagaimana terapi seni dapat membantu saya dalam meneroka masalah buli yang dihadapi oleh klien.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian kes ini penting kerana dapat membantu saya dalam mencari kaedah yang sesuai untuk mendampingi klien yang mempunyai masalah.

1.5 Batasan Kajian

Kajian kes ini tidak dapat membuktikan sepenuhnya terapi seni berkesan untuk menangani kes buli di sekolah. Kajian kes hanya tertumpu untuk seorang klien (lelaki) dan dapatan hasil kajian ini tidak menggambarkan kesemua murid di sekolah.

2.0 Kajian Kepustakaan

2.1 Sejarah Terapi Seni

Wujud sejak dari zaman dahulu kala dan usianya adalah sejak kurun kemunculan manusia dari zaman dahulu kala. Zaman pra-sejarah dengan imej haiwan di gua-gua, simbol yang estetik menghiasi keranda masyarakat Mesir serta lukisan-lukisan erotik yang wujud pada zaman roman dan corak-corak dekor yang diguna pakai pada baju-baju besi pahlawan Gladiator sebagai perlindungan.

2.2 Definisi Terapi Seni

Art therapy is based on the ideas that the creative process of art making is healing and life enhancing and is a form of nonverbal communication of thoughts and feelings."American Art Therapy Association (1996).

Profesion perkhidmatan kemanusiaan yang mempergunakan media seni, imej, proses kreativiti seni dan tindak balas klien/pesakit untuk menghasilkan produk sebagai mencerminkan perkembangan individu, kebolehan, personality, minat, kerisauan dan pertelingkahan.

2.3 Kepentingan Terapi Seni

- Menyelesaikan konflik emosi
- Meningkatkan kesedaran dan semangat sendiri
- Membina kesedaran sosial
- Mengubah tingkah laku
- Membina strategi penyelesaian masalah

Terdapat kajian yang telah dijalankan yang telah menggunakan pendekatan seni dalam mengenal pasti kes buli di peringkat sekolah. Dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Elisabeth Betlem (2001) mendedahkan bahawa penggunaan terapi seni dalam menjalankan sesi menunjukkan banyak simbol-simbol yang berunsur agresif dihasilkan oleh klien. Selain menggunakan terapi seni, Betlem juga telah menggunakan *peer relation questionnaire* dan *peer nomination inventory* dalam mengkaji tingkah laku membuli dalam kalangan pelajar.

Betlem (2001) telah mendefinisikan buli sebagai seseorang individu (yang tidak diberikan kuasa secara sah) yang berterusan mengganggu seorang individu atau kumpulan secara fizikal ataupun mental. Menurut kajian ini juga, perbuatan membuli diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu *direct* dan *indirect*. *Direct bully* lebih bersifat fizikal iaitu memukul, menendang, menolak atau menarik. *Indirect bully* lebih dikenali sebagai agresif sosial termasuk mengganggu perhubungan orang lain atau harga diri seseorang.

3.0 Dapatan Kajian

3.1 Latar Belakang Subjek Kajian

Raymond merupakan anak bongsu di dalam keluarga yang sederhana miskin. Bapa Raymond bekerja sebagai operator kilang manakala ibunya sebagai suri rumah. Raymond mempunyai dua orang abang dan seorang kakak yang masih bersekolah di sekolah menengah. Raymond merupakan seorang murid yang sangat pendiam di dalam kelas mahupun di luar kelas. Dari segi akademik, Raymond mempunyai tahap pencapaian akademik yang sederhana.

3.2 Dapatan Sesi Kaunseling

Saya telah menjalankan tiga sesi *terapi seni* yang telah dirakam bersama Raymond. Dalam menjalankan sesi saya telah menyediakan segala keperluan seperti krayon, kertas lukisan dan juga perakam video. Dalam sesi yang pertama Raymond telah melakarkan gambar seorang anggota polis. Dalam sesi kedua

pula Raymond telah melukis pemandangan tepi sawah padi yang mempunyai maksud tersendiri oleh Raymond. Sesi yang terakhir pula, Raymond telah melukis sebuah gambar rumah yang cantik dan aman.

Daripada tiga sesi yang dijalankan, dapat dibuktikan bahawa terapi seni mampu membantu penerokaan masalah yang dihadapi oleh murid di sekolah rendah. Pada sesi yang pertama, klien telah melukis gambar seorang anggota polis seperti yang ditunjukkan pada Gambar 1.

Gambar ini Raymond andaikan sebagai diri sendiri. Apabila diminta untuk menjelaskan mengenai lukisan tersebut, Raymond menerangkan sebab dia melukis seorang anggota polis. Inspirasi untuk melakarkan gambar anggota polis ini didasarkan kepada bapa saudara Raymond yang merupakan seorang anggota polis di Sabah. Menurut Raymond, polis merupakan seorang yang berkuasa dan amanah dalam menjalankan tugas terutama menangkap dan memberkas penjenayah. Polis juga mempunyai bentuk badan yang sasa dan kuat menurut klien. Melalui penerokaan saya mendapati klien mengaitkan gambar tersebut dengan apa yang dialami sendiri oleh klien iaitu klien dibuli oleh beberapa rakan sekelasnya sejak sekian lama. Klien berharap satu hari nanti klien dapat menjadi seorang anggota polis dan menangkap sendiri mereka yang mengganggu klien. Pada pandangan Raymond juga, memiliki bentuk badan yang sasa dan tegap akan membuatkan orang takut untuk membuli dan menggangukannya. Hal inilah yang menyebabkan Raymond memilih untuk melakarkan gambar seorang anggota polis. Melalui pemerhatian saya semasa menjalankan sesi, ekspresi wajah dan pergerakan Raymond semasa melakarkan lukisan tersebut menggambarkan emosi Raymond yang sangat marah. Kemarahan ini tidak dapat diluahkan ketika berhadapan dengan individu yang membuli tetapi hanya dapat diterjemah melalui lukisan ini.

Dalam sesi kedua pula, Raymond telah melukis satu pemandangan di tepi sawah padi yang cantik. Beberapa batang pokok kelapa juga telah dilakarnya seperti yang ditunjukkan pada Gambar 2.

Dalam sesi penerokaan, Raymond menceritakan bahawa pokok-pokok kelapa ini membawa maksud yang tersendiri bagi klien. Menurut Raymond, bilangan pokok yang dilukiskan iaitu berjumlah lima batang, setiap satu mewakili seorang pembuli. Ini bermakna terdapat lima orang yang selalu membuli Raymond di sekolah. Bentuk-bentuk pokok kelapa yang tinggi dan rendah menggambarkan keadaan fizikal pembuli-pembuli tersebut. Menurut Raymond, pokok kelapa yang tinggi menunjukkan pembuli yang lebih tinggi daripada klien sendiri dan begitu juga bagi pokok kelapa yang rendah. Bilangan buah kelapa yang dilukiskan juga menarik minat saya untuk meneruskan penerokaan. Ini disebabkan, pada setiap pokok kelapa tersebut terdapat perbezaan dari segi jumlah buahnya. Menurut Raymond, banyaknya bilangan buah sesuatu pokok itu menggambarkan yang orang itu kerap membuli. Jumlah buah kelapa yang paling banyak dilukiskan Raymond ialah tiga biji dan paling sedikit dua biji. Raymond memberi satu analogi untuk menggambarkan betapa marahnya terhadap perbuatan membuli terhadapnya. Raymond menceritakan, menurut ibunya, apabila berlaku guruh dan kilat sambung menyambung, makhluk halus seperti syaitan akan berlindung di sebalik pokok yang tinggi seperti pokok ke lapa. Raymond secara jujur menyatakan yang dia mengandaikan perangai orang-orang yang membulinya itu sama seperti makhluk halus yang disebutkan tadi.

Dalam sesi terakhir pula, Raymond berkongsi tentang rumah idamannya yang cantik dan aman dari segala gangguan. Gambar 3 menunjukkan rumah idaman yang dilukis Raymond. Raymond membayangkan yang rumah itu terletak jauh dari tempat Raymond menetap sekarang. Tempat itu jauh dari gangguan rakan-rakan tersebut. Raymond ingin hidup aman dan bahagia dengan keluarga yang dia sayangi di dalam rumah tersebut. Melalui lukisan ini, tergambar betapa Raymond inginkan suasana yang penuh kasih sayang dan harmoni. Namun di sudut hati Raymond yang marah itu, Raymond sempat juga menyatakan kesudiannya menerima rakan-rakan yang membulinya tadi sekiranya mereka berubah dan tidak mengganggu dan membuli Raymond lagi.

Rumusannya, daripada dapatan ketiga-tiga sesi tersebut, dapat ditunjukkan bahawa terapi seni dapat membantu saya dalam meneroka masalah klien iaitu masalah buli. Menurut Presiden Persatuan Psikiatri

Malaysia, Dr Yen Teck Hoe, seni asasnya adalah produk pemikiran dan emosi. Walaupun hanya satu garisan, ia adalah luahan emosi pelukis. Pendapat ini mengukuhkan lagi idea yang mengatakan terapi seni lebih mudah dan sesuai untuk murid bagi meluahkan apa yang terbuku di dalam jiwa mereka. Hal ini terbukti melalui tiga sesi yang dijalankan bersama Raymond. Saya dapat mengetahui apa yang selama ini dialami oleh Raymond setelah sekian lama Raymond menyimpan perasaan dan emosi tidak stabil akibat daripada dibuli dan digangu oleh rakan-rakan di sekolah.

Sepanjang menjalankan sesi, saya menerapkan teori pemusatan klien yang memberikan lebih banyak ruang kepada klien untuk berfikir mengenai masalah tersebut dan mencari alternatif sendiri bagi menyelesaikan masalah buli yang dihadapinya. Teori pemusatan klien memandang klien sebagai individu yang unik dan berkebolehan untuk membuat pilihan yang sesuai mengenai kehidupannya (Choong Lean Keow, 2007). Dalam rangka mencari penyelesaian alternatif, Raymond telah menyenaraikan beberapa alternatif yang dilihat boleh membantunya dalam menyelesaikan masalah buli yang dihadapinya. Di antara alternatif yang diberikan sendiri oleh Raymond adalah cuba untuk bersikap lebih asertif dalam kata lain bersifat tegas terhadap orang-orang yang membulinya. Ini termasuklah melapor kepada guru disiplin sekiranya gejala membuli ini berlaku secara berterusan. Bagi Raymond sendiri, alternatif ini merupakan alternatif terbaik dalam menyelesaikan masalahnya kerana Raymond percaya hanya guru yang boleh melindungi dirinya apabila berada di kawasan sekolah.

4.0 Cabaran dan Masalah Kajian

Sepanjang menjalankan sesi, beberapa halangan yang saya hadapi. Antaranya ialah keterlibatan yang banyak dalam program-program yang dianjurkan pihak sekolah juga memberi cabaran kepada pengendalian sesi. Beberapa kali saya terpaksa membatalkan temu janji dengan Raymond kerana terikat dengan program sekolah yang padat.

Cabaran dalam menjalankan sesi juga terarah kepada Raymond sebagai klien. Sikap Raymond yang 'bermusim' datang ke sekolah juga sedikit sebanyak mengganggu kelancaran pengendalian sesi. Terdapat beberapa temu janji yang dibatalkan kerana Raymond tidak hadir ke sekolah dengan pelbagai alasan yang diberi.

5.0 Cadangan Kajian Lanjutan

Pada masa hadapan, saya bolehlah melibatkan klien yang lebih ramai serta tidak berfokus kepada jantina yang sama agar dapatan lain dapat diterokai.

Saya hendaklah memperbanyak dan mencari rujukan atau kajian-kajian yang lepas agar kajian yang dijalankan mempunyai asas yang kukuh untuk dibahaskan.

Pengurusan masa dalam menetapkan temujanji mestilah dibuat dengan penuh teliti. Hal ini bagi mengelak temu janji tersebut ditunda. Apabila sesi ditunda, ada kemungkinan sesuatu yang penting yang ingin dikongsikan oleh klien pada ketika itu tidak akan dikongsikan lagi pada sesi seterusnya.

6.0 Kesimpulan

"Kebanyakan orang dari pelbagai peringkat umur mempunyai kebolehan untuk meluahkan perasaan mereka melalui permainan dan seni. Mereka juga mempunyai kebolehan untuk keluar dari aktiviti ini, untuk mencerminkan diri mereka dan untuk mencipta idea baru yang menuju kepada kebaikan" Dyer-Friedman & Sanders, 1997; Rubin 1978.

Melalui terapi seni yang dijalankan ke atas klien yang dikaji sedikit sebanyak dapat mengurangkan tekanan perasaan klien, memberi peluang klien untuk berasa seronok semasa sesi pembelajaran, memberi

peluang kepada klien untuk menghasilkan karya sendiri dan juga memberi peluang kepada klien untuk meningkatkan tahap kreativiti mereka. Kelebihan terapi seni kepada saya dan guru-guru lain ialah, guru dapat mengesan masalah dalam diri murid. Contohnya jika murid berasa marah, guru boleh melihat warna yang digunakan oleh murid dalam menghasilkan sesuatu tugas yang diberikan. Selain daripada itu, guru dapat mengenali murid dengan lebih mendalam melalui terapi seni, contohnya warna yang diminati oleh murid, siapa yang disayangi oleh murid, latar belakang hidup murid dan sebagainya. Oleh itu, banyak kelebihan yang boleh diperolehi melalui aktiviti terapi bukan sahaja untuk guru malahan untuk murid.


Bibliografi

Choong Lean Keow (2007). *Kaunseling: Teori dan praktis (Pengetahuan dan pengalaman pengamal)*. Kumpulan Budiman Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Corey, G. (2005). *Counseling A Comprehensive Profession*. United States of America: Brooks/Cole.

Elisabeth Betlem (2001). *Assessing bullying behaviour of school students through the use of art*. Australian Assosiation for Research in Education. University of New South Wales.

Gladding, S. T. (2004). *Counseling A Comprehensive Profession*. United States of America: PearsonMerrill Prentice Hall.



THE
Character Building
UNIVERSITY